

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG  
(TEBRAU)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG [ TEBRAU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan dan peratus pencarum yang simpanan mereka dalam KWSP dijangka melebihi RM50,000 dan melebihi RM100,000 masing-masing pada umur 55 tahun, dan apakah Kementerian bercadang mengadakan kursus pendedahan untuk memastikan para pesara bijak mengurus wang yang dikeluarkan dari simpanan KWSP.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat Disember 2014, bilangan dan peratusan ahli yang berumur 54 tahun mempunyai simpanan persaraan:

- (a) kurang daripada RM50,000 adalah sebanyak 68% iaitu seramai 164,730 ahli;
- (b) melebihi RM50,000 sehingga RM100,000 adalah sebanyak 12% iaitu seramai 27,971 ahli; dan
- (c) melebihi RM100,000 adalah sebanyak 20% iaitu melibatkan seramai 49,854 ahli.

Berdasarkan kepada statistik, secara purata simpanan semua ahli yang berumur 54 tahun pada tahun 2014 adalah sejumlah RM75,637. Jumlah simpanan persaraan ini boleh bertahan sehingga 7.8 tahun selepas ahli mencapai umur 55 tahun dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM800 sebulan.

KWSP telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan ahli berhubung dengan persediaan persaraan melalui beberapa pendekatan iaitu :

1. Program Taklimat Awam di seluruh Negara bersama Ahli dan Majikan yang dianjurkan oleh Pejabat Negeri & Cawangan KWSP bermula dari

- tahun 2009;
2. Khidmat Nasihat Persaraan yang telah ditubuhkan di dua (2) Pejabat Cawangan KWSP di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya di bawah pelaksanaan Projek Perintis mulai 1 Julai 2014. KWSP akan memperluaskan perkhidmatan ini secara berperingkat di beberapa Pejabat Negeri/Cawangan yang dikenal pasti;
  3. Membangunkan *silibus* pembelajaran di dalam Modul Tanggungjawab Pekerja dan Kepenggunaan yang telah diperkenalkan di Kolej Vokasional bermula 2012; dan
  4. Kursus Pra Persaraan kepada bakal-bakal pesara.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG  
[ TEBRAU ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah dasar baru yang diperkenalkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) untuk membentuk generasi yang berkaliber dan berkemahiran tinggi.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan mengakui tatkala Malaysia mengorak langkah untuk menjadi negara berpendapatan tinggi, permintaan terhadap pekerja berkemahiran tinggi akan terus meningkat. Kerajaan berhasrat untuk meneruskan kemajuan awal yang telah diperoleh sejak Pelan Induk Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dilancarkan pada 2011 untuk membudayakan amalan pembelajaran sepanjang hayat dalam masyarakat Malaysia bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran dan pembelajaran semula sebagai unsur penting dalam budaya dan cara hidup Malaysia. Hasrat ini akan dicapai dan dimangkinkan melalui sistem PSH yang berkualiti tinggi, diselaras dengan baik, seragam dan dihormati dengan komuniti pembelajaran di setiap organisasi. Selaras dengan itu, satu

Ionjakan khusus untuk PSH telah diwujudkan dalam PPPM(PT) iaitu Lonjakan 3 : Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat.

Di samping itu, bagi melahirkan masyarakat Malaysia yang berkemahiran tinggi, Kementerian akan menyediakan TVET pendidikan tinggi perdana untuk memenuhi permintaan industri yang kian meningkat dan berubah serta menggalakkan peluang perkembangan kerjaya individu. Ini termaktub dalam Lonjakan 4 : Graduan TVET Berkualiti, PPPM (PT).